

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG

[SIMPANG RENGAM – BN]

SOALAN (NO. 119)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kelainan yang dibawa oleh Kementerian dalam meremajakan semula program Rakan Muda. Bagaimanakah bentuk agihan dana pemudah cara yang diperuntukkan untuk setiap program dan adakah ia akan meliputi belia di luar bandar dan pedalaman serta tidak hanya memfokuskan kepada belia di kawasan bandar.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelainan yang dibawa oleh Kementerian dalam meremajakan semula program Rakan Muda adalah melalui pendekatan interaksi secara dalam talian (*online*) dan penyerlahan bakat (*Showcase of Talent*) golongan muda.
2. Peruntukan dana bagi pelaksanaan program dan aktiviti disediakan oleh pihak Kementerian selari dengan Garis Panduan yang telah ditetapkan. Permohonan ini boleh dibuat secara *online* (dalam talian) atau *offline* (luar talian) dan terbuka kepada golongan muda di semua peringkat.
3. Permohonan dana ini tidak hanya memfokuskan kepada belia di kawasan bandar malah peluang ini juga dibuka kepada golongan di luar bandar.

Sekian, terima kasih.